

Sumber: <https://www.facebook.com/Sejarah-Johor-117804728248652/>



[Sejarah Johor](#)

[March 5 at 12:04 AM](#) ·

Almarhum Sultan Abu Bakar menjadikan dua bilah keris, iaitu Keris Darjah Kerabat dan Keris Darjah Mahkota sebagai tambahan kepada sebilah keris pusaka. Keris pusaka yang tidak diketahui asal usulnya, berukuran 43.18 sentimeter (17 inci) panjang, dan mempunyai 11 Ink ini dikatakan diperbuat dalam kurun ke-15. Keris ini tidak lagi menjadi peralatan kerajaan dan disimpan di Muzium Diraja Abu Bakar.

Mengikut sejarah Johor, keris tidak menjadi peralatan istiadat Kesultanan Johor seperti di negeri-negeri lain yang memakainya di pinggang pakaian istiadat dalam istiadat raja. Yang di-Pertuan Agong misalnya, menghunus dan mencium keris kerajaan dalam istiadat pertabalan. Namun begitu, pengikut-pengikut Temenggong ke Singapura dalam tahun 1818 menggunakan keris untuk mempertahankan diri.

Tujuan Sultan Abu Bakar menonjolkan dua bilah keris di atas bagi menandakan pembaharuan yang dihajati baginda bagi negeri yang moden. Hulu keris ini mempunyai persamaan dengan hulu keris Laksamana Hang Tuah, iaitu berbentuk keris Bugis dan Jawa Deman. Mata keris jenis ini berukuran 60.96 sentimeter (2 kaki) panjang, lurus dan tidak berlok.

Turut diukir di atas Cogan Agama, Cogan Alam, Keris, Darjah Kerabat dan Keris Darjah Mahkota serta Cokmar. Kerajaan ialah perkataan "Muafakat itu Berkat" dan "Kepada Allah Berserah". Prinsip inilah yang dipegang oleh Sultan Abu Bakar sehingga baginda berjaya memajukan Johor dan mentadbirkannya dengan aman damai.

Baginda mengambil pengajaran daripada pergolakan yang berlaku dalam kalangan keluarga diraja Pahang, Selangor dan Perak pada zaman itu dilihat menjadi faktor yang memudahkan penjajah menguasai negeri-negeri tersebut. Sultan Abu Bakar mengamalkan cogan kata "Muafakat itu Berkat" yang mencerminkan hasrat baginda, iaitu sesuatu pekerjaan itu hanya akan berjaya melalui permuafakatan dan persefahaman, dan tanpa kerjasama dalam kalangan kerabat diraja, pentadbiran negeri tidak akan kukuh dan selamat.

Prinsip ini juga dipegang baginda bagi mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan Johor daripada dijajah oleh British.

Sejarah telah membuktikan kejayaan baginda mempertahankan negeri Johor selama 33 tahun daripada tipu helah dan asakkan tekanan yang bertubi-tubi daripada pihak British yang mahu meluas dan mengembangkan kuasa jajahannya. Negeri Johor merupakan negeri terakhir dalam Persekutuan Tanah Melayu yang menerima seorang Penasihat Am British pada tahun 1910.

Almarhum Sultan Iskandar melafazkan cogan kata ini dalam titah ucapan baginda dalam istiadat-istiadat diraja dan kerajaan bagi mengingatkan rakyat supaya sentiasa bekerjasama dan saling bertolak ansur dalam semangat muhibah untuk memajukan Johor.

Manusia tidak boleh lari daripada takdir dan tidak akan terlepas daripada hukum-hukum Allah. Manusia merancang, berdoa dan menyerahkan kepada Allah untuk menunaikan permohonan hamba-Nya. Cogan kata "Kepada Allah Berserah" dijadikan cogan kata rasmi kerajaan Johor.

Pada mata Keris Darjah Kerabat diukir dengan cogan kata "Muafakat itu Berkat", manakala cogan kata "Kepada Allah Berserah" diukir pada mata Keris Darjah Mahkota menggunakan tulisan Jawi.

Kedua-dua keris bertatahkan simbol mahkota kecil yang diperbuat daripada intan. Sampirnya mempunyai corak yang bercogan kata. Sampir Keris Darjah Kerabat diukir dengan lambang awan larat daun lada hitam dan gambir, yang menunjukkan kekuasaan dan kewibawaan kerabat raja Johor. Sampir keris Darjah Mahkota diukir dengan lambang harimau.

Sumber Rujukan:


Sejarah Adat : Istiadat Diraja Johor.



Gambar  
Keria Darjah Kerabat dan  
Darjah Mahkota dan juga  
Gambar Pecahannya



**Gambar  
Ukiran "Muafakat Itu Berkat"  
pada Mata Keris Darjah  
Kerabat**



**Gambar  
Ukiran "Kepada Allah  
Bersenah" pada Mata  
Keris Darjah Mahkota**